

Peratusan ketelusan cermin gelap dilonggar

Menteri Pengangkutan akan buat pengumuman minggu depan

Oleh Abdul Jalal Abdul Rahim
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju melonggarkan syarat penggunaan cermin gelap kenderaan dengan membenarkan pengurangan kadar peratusan ketelusan cahaya, sejajar piawaian antarabangsa serta keadaan cuaca di negara ini.

Pengumuman butiran lengkap berhubung kelonggaran itu dijangka dibuat Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Kiat, minggu depan.

Sumber-sumber memberitahu *Berita Harian*, keputusan berhubung perkara itu dicapai dalam mesyuarat antara Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangu-

B.H 12/10/08 M/S 13
tan Jalan (JPJ), Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia dan beberapa agensi penguat kuasa berkaitan, Selasa lalu.

Bagaimanapun, kelonggaran itu diberikan tanpa berkompromi dengan soal keselamatan pemanduan dan aspek jenayah.

Ketika ini, Kaedah 5(1) dan Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis Kaca Tertentu) Pindaan 2000, menetapkan cermin depan kenderaan hendaklah telus cahaya tidak kurang 70 peratus, manakala cermin belakang dan sisi, tidak kurang 50 peratus.

Pemasangan cermin gelap tanpa kebenaran pula menjadi kesalahan mengikut Kaedah 96, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan

dan Penggunaan) 1959 dan Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan)(Pindaan 2007).

Ketua Pengarah JPJ, Datuk Solah Mat Hassan ketika dihubungi semalam, mengesahkan mesyuarat akhir semakan semula peratusan ketelusan cahaya cermin diadakan Selasa lalu, tetapi enggan mendedahkan butirannya kerana perkara itu akan diumumkan Kementerian Pengangkutan.

"Saya tak mahu komen butiran mesyuarat itu... boleh jadi peratusan ketelusan itu turun atau dinaikkan, hanya menteri akan membuat keputusan muktamad dan mengumumkannya.

"Cadangan semakan itu dibuat selepas mengambil kira pelbagai aspek termasuk ke-

selamatan pemanduan, jenayah, piawaian antarabangsa serta kepentingan pengguna dan pemilik yang mempunyai masalah kesihatan," katanya.

Solah berkata, mesyuarat itu turut dihadiri wakil Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) serta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).

Julai lalu, JPJ sepatutnya memulakan operasi besar-besaran di seluruh negara terhadap pemilik kenderaan yang memasang cermin gelap dan menggunakan lampu pancaran berintensiti tinggi (HID/Xenon) tetapi Ong mengarahkan ia ditangguhkan bagi membolehkan JPJ dan polis membuat penyelarasan bagi mengelak masalah dan kesulitan teknikal.